



I/SH. 2026 (02)

MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran ini dipelawa kepada kontraktor yang layak dan berdaftar dalam kod bidang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja sebagaimana berikut:

BIL	TAJUK PROJEK/ NO. TAWARAN	SYARAT KELAYAKAN	SALINAN SIJIL YANG DIPERLUKAN	HARGA	MASA PEMBELIAN
TERBUKA KEPADA BUMIPUTERA					
1	Perkhidmatan Membekal dan Memasang Kamera Keselamatan di Sekitar Kawasan 'Hotspot' Program Bandar Selamat (MPPn/SH/16/2026) (Tawaran Semula 01)	120401			
TERBUKA KEPADA BUMIPUTERA & BUKAN BUMIPUTERA					
2	Kerja Membekal dan Memasang Kamera Keselamatan (CCTV) di Sekitar Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Pontian (MPPn/SH/15/2026) (Tawaran Semula 01)	120401			
3	Penyediaan Perkhidmatan Billboard, Backdrop, Banner dan Bunting Bagi Tempoh 12 Bulan (MPPn/SH/17/2026) (Tawaran Semula 01)	010401 atau 010499			
4	Sebut Harga bagi Perkhidmatan Pembersihan Awam, Potong Rumput dan Pembersihan Parit Serta Perkhidmatan Berkaitan di Jalan Utama bagi Kawasan Pekan Nanas dan Kukup bagi Tempoh 12 Bulan (MPPn/SH/19/2026)	221002			
5	Sebut Harga bagi Perkhidmatan Pembersihan Awam, Potong Rumput dan Pembersihan Parit Serta Perkhidmatan Berkaitan di Jalan Utama bagi Kawasan Pontian dan Benut bagi Tempoh 12 Bulan (MPPn/SH/20/2026)	221002			
6	Sebut Harga bagi Perkhidmatan Pembersihan Longkang Besar (Monsoon Drain) dan Kolam Tadahan Serta Perkhidmatan Berkaitan dalam Kawasan Majlis Perbandaran Pontian untuk Tempoh 12 Bulan (MPPn/SH/21/2026)	221002			
7	Sebut Harga Perkhidmatan Pembersihan Persisiran Pantai di Kukup Laut, Dataran Pontian dan Pusat Perdagangan Pontian untuk Tempoh 12 Bulan (MPPn/SH/22/2026)	221002			

- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
- Sijil Taraf Bumiputera (STB)
- Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Patuh & Sah) *(Tidak diwajibkan tetapi digalakkan dan diberi keutamaan)*

Sijil hendaklah aktif sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup iklan sebut harga 12 Februari 2026.

RM30.00

Bayaran adalah secara **TANPA TUNAI (CASHLESS)** iaitu menggunakan **KAD DEBIT** sahaja.

Isnin – Khamis
8.30 pagi – 3 petang
Jumaat
8.30 pagi – 12 tengahari

- Dokumen sebut harga boleh dimuat turun dengan mengimbas **QR CODE** yang dipaparkan di bawah. Dokumen boleh didapatkan bermula **6 Februari 2026 (Jumaat)** dan tarikh akhir penyerahan dokumen sebut harga pada **12 Februari 2026 (Khamis)**, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari. Tawaran Harga dan Tawaran Teknikal hendaklah dikemukakan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri bagi sebut harga bekalan dan perkhidmatan. Sebut harga kerja memadai dikemukakan dalam satu (1) sampul surat berlakri sahaja. Tiada lawatan tapak diadakan tetapi kontraktor digalakkan untuk melawat tapak sebelum mengemukakan dokumen tawaran harga.
- Syarikat perlu mencetak dokumen sebut harga dan membawa dokumen tersebut ke **Kaunter Pelbagai No. 4, Aras G, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian** untuk urusan pembayaran perkhidmatan penyediaan dokumen sebut harga. Urusan pembayaran hanya boleh dibuat oleh penama atau wakil syarikat (wakil hanya boleh mewakilkan satu syarikat sahaja) dengan membawa **cop syarikat** dan **surat wakil**. **Dokumen sebut harga** dan **resit bayaran** hendaklah dibawa ke **Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Blok B, Majlis Perbandaran Pontian** untuk mendapatkan cop rasmi MPPn di dokumen tersebut.
- Syarikat juga perlu membawa **sijil asal & salinan sijil** yang diperlukan sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di atas untuk disemak serta menyerahkan salinan semasa urusan daftar kehadiran pembeli dokumen sebut harga.

Dokumen sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri** dan bertulis tajuk sebut harga berkenaan di penjuru kiri sampul surat serta **LAMPIRKAN BERSAMA SALINAN RESIT PEMBAYARAN YANG DITERIMA OLEH PIHAK SYARIKAT** ke dalam **peti sebut harga** bertempat di **Ruang Legar, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor** atas nama, **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor**. **PENYEBUT HARGA DIINGATKAN UNTUK MEMBUKUKAN DOKUMEN YANG DILAMPIRKAN SEBAGAIMANA DI SENARAI SEMAK.**

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pontian
Bertarikh: 5 Februari 2026

AAHS/ HU/ nii

